

UM 23 JUN 2001
**PM: Tidak
benar
Daim akan
ditangkap**

KUALA LUMPUR 22 Jun — Bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, tidak akan ditangkap dan beliau bebas untuk ke luar negara pada bila-bila masa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan juga tidak mengenakan apa-apa sekatan untuk Daim ke luar negara.

"Dia tidak akan ditangkap, jadi dia boleh ke luar negara," tegasnya menjawab soalan wartawan asing berhubung khabar angin bahawa Daim akan ditangkap dan dilarang ke luar negara.

Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO menyatakan demikian pada sidang akhbar di hari kedua Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Tersebar

Khabar angin mengenai Daim akan ditangkap tersebar luas sebaik sahaja beliau meletakkan jawatan dalam kerajaan dan parti berkuat kuasa 1 Jun lalu selepas bercuti selama dua bulan.

Dr. Mahathir turut menjelaskan bahawa beliau tidak tahu di mana Daim berada sekarang.

Katanya, semasa pertemuan dengan Daim sebelum Perhimpunan Agung UMNO,

■ Lihat muka 4

**PM: Tidak benar
Daim akan ditangkap**

bekas Menteri Kewangan itu tidak memberitahu sama ada akan ke luar negara atau tidak. Tetapi beliau kata ada masalah untuk ke luar negara kerana kalau pergi, pihak media akan mengatakan beliau mengelak daripada ditangkap," jelasnya.

Secara berseloroh, Perdana Menteri berkata, sebenarnya media yang mahukan beliau membuat kenyataan berkenaan (Daim ditangkap).

"Anda tanya soalan ini berpusing-pusing, itulah yang anda diajar di sekolah komunikasi massa," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri turut mengesahkan bahawa Malaysia akan menerbitkan bon kedaulatan (*sovereignty bond*) tidak lama lagi bagi membiayai projek-projek kerajaan.

"Ya, saya rasa begitu (akan menerbitkan bon).

"Saya tidak tahu jumlahnya secara tepat tetapi Gabenor (Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz) telah menyatakannya kepada saya," kata beliau.

Utusan difahamkan, bon yang akan diterbitkan itu berjumlah kira-kira AS\$1 bilion (RM3.8 bilion).

Menjawab soalan, Dr. Mahathir menafikan bon itu diterbitkan bagi meningkatkan jumlah rizab mata wang negara dengan tujuan mempertahankan sandaran ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat.

"Kita telah melakukannya agak kerap untuk membiayai projek kerajaan. Saya baru menerima laporan mengenai keadaan kewangan kerajaan dan ia berada dalam keadaan yang agak baik," jelas Perdana Menteri.